AMALAN TORIQAT AL-AHMADIYYAH AL-IDRISIYYAH

Imam Sayyid Ahmad ibn Idris ﷺ

(Tahlil Khusus, Solawat ‘Azimiyyah dan Istighfar Kabir)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ،

فِيْ كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ عَدَدَ مَا وَسِعَهُ عِلْمُ اللهِ.

“Tiada Tuhan melainkan Allah Muhammad Rasulullah, pada setiap kerlipan mata dan hembusan nafas sebanyak luasnya ilmu Allah.”

(ثلاث مرات) عقب كل صلاة ,وبالاستطاعة للذاكر المتعبد

Dibaca 3 kali selepas solat atau pun mengikut kemampuan.

الصلاة العظيمية

بسم الله الرّحْمن الرّحيم

اللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ بِنُوْرِ وَجْهِ اللهِ الْعَظِيْمِ، الَّذِي مَلأَ أَرْكَانَ عَرْشِ اللهِ الْعَظِيْمِ، وَقَامَتْ بِهِ عَوَالِمُ اللهِ الْعَظِيْمِ، أَنْ تُصَلِّيَ عَلَى مَوْلاَنَا مُحَمَّدٍ ذِي الْقَدْرِ الْعَظِيْمِ، وَعَلَى آلِ نَبِيِّ اللهِ الْعَظِيْمِ، بِقَدْرِ عَظَمَةِ ذَاتِ اللهِ الْعَظِيْمِ، فِيْ كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ عَدَدَ مَا فِيْ عِلْمِ اللهِ الْعَظِيْمِ، صَلاَةً دَآئِمَةً بِدَوَامِ اللهِ الْعَظِيْمِ، تَعْظِيْمًا لِحَقِّكَ يَا مَوْلاَنَا يَا مُحَمَّدُ يَا ذَا الْخُلُقِ الْعَظِيْمِ، وَسَلِّمْ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ مِثْلَ ذٰلِكَ، وَاجْمَعْ بَيْنِيْ وَبَيْنَهُ كَمَا جَمَعْتَ بَيْنَ الرُّوْحِ وَالنَّفْسِ، ظَاهِرًا وَبَاطِنًا يَقَظَةً وَمَنَامًا، وَاجْعَلْهُ يَا رَبِّ رُوْحًا لِذَاتِيْ مِنْ جَمِيْــعِ الْوُجُوْهِ فِي الدُّنْيَا قَبْلَ الْآخِرَةِ يَاعَظِيْمُ.

SALAWAT AL-‘AZIMIYYAH (KEAGUNGAN)

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih

“Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepadaMu dengan Nur Wajah Allah Yang Maha Besar, Yang Memenuhi segala penjuru ‘Arasy Allah Yang Maha Besar, dan dengannya berdiri seluruh alam Allah yang Maha Besar. Semoga Engkau mencucuri rahmat ke atas penghulu kami, Muhammad; yang mempunyai martabat yang besar dan ke atas keluarga Nabi Allah Yang Maha Besar, dengan kadar kebesaran Zat Allah Yang Maha Besar, pada setiap kerlipan mata dan nafas sebanyak bilangan ilmu Allah Yang Maha Besar, dengan salawat yang berkekalan sebagaimana kekalnya Allah Yang Maha Besar, penghormatan bagimu, wahai tuan kami! Wahai Muhammad! Wahai yang mempunyai akhlak yang mulia! Salam kesejahteraan daripadaMu ke atasnya dan ke atas keluarganya seperti yang demikian itu juga. Himpunkanlah di antara aku dan dia (Muhammad s.a.w) sebagaimana Engkau menghimpunkan antara roh dan jasad, zahir dan batin sama ada ketika sedar atau pun tidur. Jadikanlah dia (Muhammad s.a.w) wahai Tuhanku! Roh bagi zatku dari semua keadaan di dunia ini sebelum hari akhirat, wahai Allah Yang Maha Besar!”

الاستغفار الكبير

بسم الله الرّحْمن الرّحيم

أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ، الَّذِيْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمَ، غَفَّارَ الذُّنُوْبِ ذَالْجَلاَلِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ مِنْ جَمِيْعِ الْمَعَاصِي كُلِّهَا وَالذُّنُوْبِ وَالآثَامِ، وَمِنْ كُلِّ ذَنْبٍ أَذْنَبْتُهُ عَمْدًا وَخَطَــأً، ظَاهِرًا وَبَاطِنًا، قَوْلاً وَفِعْلاً، فِيْ جَمِيْعِ حَرَكَاتِيْ وَسَكَنَاتِيْ وَخَطَرَاتِيْ وَأَنْفَاسِيْ كُلِّهَا، دَآئِمًا أَبَدًا سَرْمَدًا، مِنَ الذَّنْبِ الَّذِيْ أَعْلَمُ، وَمِنَ الذَّنْبِ الَّذِيْ لاَ أَعْلَمُ، عَدَدَ مَا أَحَاطَ بِهِ الْعِلْمُ وَأَحْصَاهُ الْكِتَابُ، وَخَطَّهُ الْقَلَمُ، وَعَدَدَ مَا أَوْجَدَتْهُ الْقُدْرَةُ، وَخَصَّصَتْهُ الْإِرَادَةُ، وَمِدَادَ كَلِمَاتِ اللهِ، كَمَا يَنْبَغِــيْ لِجَلاَلِ وَجْهِ رَبِّنَا وَجَمَالِهِ وَكَمَالِهِ، وَكَمَا يُحِبُّ رَبُّنَا وَيَرْضَى.

ISTIGHFAR KABIR

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih

“Aku memohon keampunan kepada Allah Yang Maha Besar; Yang tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia; Tuhan Yang Maha Hidup lagi Maha Berdiri dengan sendirinya; Maha Pengampun segala dosa; Yang Memiliki keagungan dan kemulian. Aku bertaubat kepadaNya dari segala perbuatan maksiat, dosa dan kesalahan yang telah aku lakukan sama ada dengan sengaja atau pun tidak, yang zahir mahupun yang batin, pada perkataan mahupun perbuatan, dalam setiap pergerakan dan diamku, yang terlintas di benak hatiku ataupun yang wujud di dalam hembusan nafasku; semuanya untuk selama-lamanya. Tidak kira sama ada dosa-dosa yang aku ketahui atau tidak aku ketahui, sebanyak mana yang dicakupi (diketahui) oleh Ilmu Allah; yang dihitung oleh buku amalan dan yang dicatat oleh pena. Sebanyak mana yang diwujudkan oleh Kekuasaan Allah, yang dituntut oleh kehendakNya dan sebanyak tinta kalimah-kalimah Allah sepertimana yang selayaknya bagi kebesaran Zat Tuhan kami, keelokanNya, kesempurnaanNya dan sepertimana yang dikasihi oleh Tuhan kami dan yang diredhaiNya.”

(Sumber daripada kitab شَوَارِقِ الْأَنْوَارِ مِنْ أَدْعِيَةِ السَّادَةِ الْأَخْيَارِ karangan Al-Muhaddits Dr. Sayyid Muhammad ibn ‘Alawi Al-Maliki Al-Hasani ﵁)

Tambahan

Sejarah Kurniaan Amalan ini:

Berkata Sayyid Ahmad ibn Idris ﵁: Aku berkumpul dengan Nabi ﷺ di dalam satu perkumpulan suri (secara jaga) dan bersama-sama Baginda ﷺ ialah Nabi Khidir ؑ. Baginda ﷺ menyuruh Nabi Khidir ؑ mentalqinkan kepadaku toriqat Al-Syazuliyyah, maka dia mentalqinkannya kepadaku. Kemudian, Baginda ﷺ bersabda kepada Nabi Khidir ؑ, "Wahai Khidir! Talqinkanlah kepadanya himpunan segala zikir, solawat dan istighfar yang lebih afdhal pahalanya dan lebih banyak bilangannya."

Lantas Nabi Khidir ﷺ bertanya, "Yang manakah, wahai Rasulullah?"
Jawab Rasulullah ﷺ, "Katakanlah! (Baginda ﷺ membaca Tahlil Khusus).
Maka Nabi Khidiri ﷺ pun mengucapkannya dan selepas itu aku pula mengucapkannya. Baginda ﷺ mengulanginya sebanyak 3 kali, kemudian bersabda, "Sebutlah! (Baginda ﷺ membaca Solawat 'Azimiyyah seperti yang tertera di atas)

Kemudian Rasulullah ﷺbersabda kepadanya,
"Sebutlah! (Baginda ﷺ membaca Istighfar Kabir)"
Aku membacanya selepas kedua-duanya membacanya. Sesungguhnya aku telah mendapat limpahan cahaya, kekuatan Muhammadiyyah dan curahan **Inayah** daripada Allah ﷻ. Kemudian Rasulullah ﷺ bersabda:
"Wahai Ahmad! Sesungguhnya aku telah memberikan kepadamu kunci-kunci langit dan bumi, iaitu zikir khusus, Solawat Azimiyyah dan Istighfar Kabir. Sekali membacanya, samalah kadarnya dengan seisi dunia dan akhirat berlipat kali ganda."
Sayyid Ahmad ibn Idris ؓ berkata: "Kemudian Rasulullah ﷺ mentalqinkannya pula kepadaku dengan tanpa perantaraan. Maka selepas itu, aku mentalqinkannya kepada murid-muridku sebagaimana Rasulullah ﷺ mentalqinkannya kepadaku."
Rasulullah ﷺ bersabda kepadaku:
"Aku telah menyimpannya (tahlil khusus di atas) untukmu, wahai Ahmad! Tidak aku berikan walau seorang pun sebelum kamu, ajarkanlah ia kepada sahabat-sahabatmu supaya dengannya mereka dapat menandingi amalan orang sebelum kamu."